

Kerjasama bantu rakyat miliki rumah sendiri

Kerajaan negeri, Maybank jalin persefahaman wujud skim khas beli kediaman

■ HAFEZDZULLAH HASSAN

SHAH ALAM – Kerajaan negeri menjalin kerjasama dengan Maybank untuk mewujudkan Skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah Selangorku.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Datuk Ir Iskandar Abdul Samad berkata, kerjasama berkenaan melibatkan 674 pembeli dari lima projek Rumah Selangorku fasa pertama.

“Kerjasama bertujuan mewujudkan skim yang membantu golongan tanpa pendapatan tetap, tiada bukti pendapatan atau berumur lanjut untuk memohon pinjaman, sekali gus membantu bakal pembeli berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah sendiri,” katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, kerjasama adalah komitmen kerajaan negeri bagi membantu rakyat yang gagal mendapatkan pinjaman selepas me-

reka berjaya mendaftar dalam projek Rumah Selangorku.

“Terdapat projek Rumah Selangorku di mana separuh daripada mereka yang hendak membelinya telah mendapati permohonan pinjaman bank ditolak.

“Di antara sebab-sebabnya adalah pendapatan yang tidak mencukupi untuk mendapatkan pinjaman atau telah mempunyai komitmen-komitmen lain seperti pinjaman kereta atau hutang kad kredit,” katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri turut mempertimbangkan satu lagi skim baharu bagi merealisasikan masalah pembeli yang tidak mempunyai deposit 10 peratus untuk pinjaman bank.

“Dengan skim ini, bakal pembeli akan mendapatkan pembiayaan

bank sebanyak 90 peratus dari harga rumah dan bakinya akan dibayar kerajaan negeri.

“Kerajaan negeri akan mendahulukan 10 peratus pembayaran deposit atau pengurangan kos pembiayaan yang diperlukan oleh peserta dari institusi kewangan,” katanya.

Namun, Iskandar berkata, masalah pembiayaan perlu diselesaikan secara holistik di mana kerajaan persekutuan perlu memainkan peranan yang lebih besar.

Tambahnya, Bank Negara juga perlu mengkaji semula syarat-syarat kelayakan untuk memudahkan bakal pembeli mendapatkan pinjaman.

Sebelum ini, kerajaan negeri telah memperkenalkan Dana-Sel yang berkonsepkan sewa dan milik khusus untuk pembeli rumah kos rendah yang gagal mendapatkan pinjaman kewangan.

